

KUALITI

J U L A I - D I S E M B E R 2 0 2 5

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)



Disediakan oleh: Siti Nor Hadijah Md Supaat

LAWATAN PENANDA ARAS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) KE INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

Lawatan penanda aras Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah berlangsung pada 1 Oktober 2025 jam 10 pagi di bawah seliaan InQKA dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (BHEK), UiTM. Seramai 10 orang delegasi dari UPNM yang merupakan auditor dalaman UPNM telah turut serta dalam lawatan ini dengan diketuai oleh Ts. Dr. Mohd Junaedy bin Osman, Penyelaras Jaminan Kualiti Akademik, UPNM.

Pihak BHEK telah diwakili oleh Prof. Madya Dr. Suriyani Ariffin, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Kurikulum bersama-sama Prof. Madya Dr. Siti Suhara Ramli, Ketua Kurikulum Akademik (Kluster Sains Sosial & Kemasyarakatan dan Kluster Pengurusan & Perniagaan) dan juga Prof. Madya Dr. Rasidah Hamid, Ketua Akreditasi.

Lawatan ini diadakan dengan objektif untuk:

- Menimba pengetahuan mengenai sistem pelaporan audit dalaman serta mekanisme pelaksanaan tindakan susulan.
- Memahami struktur dan proses kajian semula kurikulum serta penilaian program akademik UiTM.
- Meneroka pendekatan pelaksanaan dan pemantauan Penambahbaikan Berterusan (CQI) di peringkat fakulti dan institusi.

Penolong Naib Canselor (InQKA) telah menyantuni delegasi dari UPNM dan sesi taklimat dan penerangan telah diberikan oleh pihak InQKA dan juga BHEK. UPNM juga telah berkongsi maklumat berkenaan pengurusan jaminan kualiti akademik di UPNM dalam sesi lawatan ini. Perbincangan telah meliputi aspek pelaksanaan audit dalaman, kaedah kawalan proses dan juga sistem-sistem yang digunakan oleh UiTM dalam mengurus kualiti akademik.

Lawatan diakhiri dengan sesi soal jawab dan saling bertukar pandangan antara kedua-dua belah pihak. Pelbagai amalan baik telah dikongsikan. Ini sekaligus dapat menggalakkan penambahbaikan berterusan dari aspek pengurusan akademik, serta pengurusan kualiti secara keseluruhan.



Prof. Dr. Haslinda menyampaikan kata aluan dan sedikit pengenalan mengenai InQKA



Sesi soal jawab Pihak UPNM bersama wakil UiTM



Penyampaian cenderahati dari pihak InQKA kepada wakil UPNM.

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596

eISSN 2976-2596

